



## SIARAN MEDIA

### PROGRAM JIWA MADANI BUKTI KERAJAAN KOMITED SANTUNI RAKYAT

**AYER KEROH, 27 Januari 2024** - Menteri Komunikasi, YB Fahmi Fadzil hari ini menghadiri program Jiwa MADANI di Kampung Sungai Putat bagi menyantuni masyarakat setempat. Program ini turut membawa misi untuk menghebahkan maklumat, serta mempromosikan dasar dan inisiatif kerajaan selain memerangi penyebaran maklumat tidak sahih.

YB Fahmi meluangkan masa beramah mesra dengan kira-kira 500 orang yang terdiri daripada pemimpin masyarakat dan komuniti sekitar pelbagai kaum. Beliau turut menyertai aktiviti gotong-royong memasak juadah tradisi negeri Melaka dan menanam pokok Putat yang merupakan simbolik nama kampung tersebut.

Beberapa aktiviti lain turut diadakan, antaranya termasuklah pameran serta perkhidmatan oleh pelbagai agensi kerajaan dan negeri seperti pendaftaran Pangkalan Data Utama (PADU), pemeriksaan kesihatan percuma, pertandingan mewarna kanak-kanak dan jualan RAHMAH.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Belia dan Sukan merangkap Ahli Parlimen Hang Tuah Jaya, YB Adam Adli bin Abd Halim; Ahli Dewan Undangan Negeri Ayer Keroh, YB Kerk Chee Yee; Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi, YBhg. Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa dan Ketua Pengarah Penerangan, YBhg. Dato' Mohd Sukari Ab Hamid.

**Dikeluarkan oleh:**  
**Jabatan Penerangan Malaysia**